



HANYUT WACANA BALAS TIMUR TERHADAP BARAT (untuk kuliah *Post-truth* anjuran Nusa Centre)

S.M. Zakir

Orientalisme (Edward Said 1978) mungkin sebuah pemikiran klasik dalam melihat hubungan Barat dan Timur, khususnya dalam era kolonialisme dan sudut pandang pascakolonialisme. Pada abad baharu setelah berlakunya gelombang globalisasi dan revolusi teknologi maklumat, sudut pandang orientalisme yang melihat hubungan tidak setara Barat sebagai superior dan Timur inferior yang didefinisikan sebagai '*self and others*' menjadi dokumentasi peristiwa yang lampau. Walaupun muncul penilaian kembali hubungan Barat-Timur melalui sudut pandang pascakolonialisme, yang sepertikan mengangkat kembali hubungan tidak setara Barat-Timur atau dikotomi '*self and others*' dalam bentuk pengaruh tidak nampak (*intangible influence*) sehingga mewujudkan istilah *comprador* (Antonio Gramsci), yakni kaum peribumi yang mengambilalih tempat penjajah untuk menindas bangsanya sendiri dengan perangai dan tingkahlaku 'tuan lamanya' (penjajah/kolonial) (Franz Fanon 1963); tetapi sudut pandangan pascakolonialisme ini juga tidak dapat memenuhi definisi hubungan muktahir Barat-Timur secara tepat. Sudut pandang pascakolonialisme ini juga mengambil pemikiran-pemikiran abad ke-20, sama munculnya dengan pemikiran tentang orientalisme.

Muncul definisi-definisi baharu tentang hubungan Barat-Timur, tetapi mula memecahkan pengasingan dikotomi superior-inferior. Hubungan pihak yang menjajah dan pihak yang terjajah setelah berakhirnya era kolonialisme mula dilihat sebagai hubungan positif yang saling menyumbang kepada pembinaan ruang budaya baharu. Hal ini dinyatakan oleh Homi K. Bhabha (1994) yang menyifatkan pembauran antara budaya Barat dan Timur kesan daripada tinggalan kolonialisme dan pascakolonialisme memunculkan ruang baharu yang disebut sebagai ruang ketiga. Di dalam ruang ketiga ini pembauran budaya antara Barat dan Timur dari era lampau berbaur lagi dengan budaya global yang datang daripada gelombang pasaran bebas globalisasi. Akhirnya berlaku perlakuan budaya dan mewujudkan ciri-ciri budaya baharu yang lebih bersifat sejagat atau global. Perlakuan yang terus berlangsung sehingga mewujudkan kebaharuan demi kebaharuan, yang berjalan sangat deras akhirnya mewujudkan budaya hibrid (Marwan M. Kraidy 2005). Hubungan Barat dan Timur bukan lagi dikotomi '*self and others*' atau hubungan tidak setara superior dan inferior, tetapi hubungan setara yang saling melakur dan berlakur sehingga mewujudkan budaya baharu dengan sifat dan rupa yang baharu – mengambil

setiap ciri budaya dunia yang berpengaruh. Teknologi maklumat menjadi pemangkin kepada kebaruan budaya yang akhirnya membawa suatu bentuk budaya hibrid.

Sebahagian daripada pendapat ini dapat dilihat sebagai realiti yang hadir pada hari ini, dan satu kebenaran yang dapat diterima. Tetapi sebahagian daripada pandangan-pandangan lama yang dianggap klasik seperti menyikapi orientalisme yang dikemukakan oleh Edward Said, masih mempunyai guna terhadap beberapa keadaan tertentu. Malah dalam era kebangkitan semula romantisme baharu Barat hari ini yang sepertikan menjulang kembali 'Great White' sepertimana yang terlihat daripada peristiwa Brexit dan pemilihan Trump sebagai Presiden di Amerika Syarikat – hubungan setara yang ingin dibawa oleh pandangan neutral kemungkinan tertembok kepada suasana baharu yang mengembalikan semula semangat-semangat superior yang lama. Namun begitu, wacana ini menghindar daripada menyikapi fikiran-fikiran yang bersifat spekulasi, sebaliknya melihat secara langsung dan spesifik terhadap wacana teks yang muncul dalam filem Hanyut. Apa yang dinyatakan adalah memberikan sedikit latar belakang dalam menyikapi wacana yang muncul dalam filem Hanyut – sekaligus guna menolak pandangan yang mungkin menyatakan ia sebagai wacana masa lampau. Sepertimana yang diketahui, filem Hanyut yang diarahkan oleh U-Wei Haji Shaari ini diangkat daripada novel *Almayer's Folly* karya Joseph Conrad.

Dalam bukunya *Culture and Imperialism* (1994), Edward Said mengambil dua buah novel iaitu *Heart of Darkness* oleh Joseph Conrad dan *Kim* oleh Rudyard Kipling sebagai contoh bagaimana Barat melihat Timur atau selain Barat sebagai dunia superior melihat dunia inferior. Selain itu Said turut mengemukakan pengarang-pengarang Barat yang lain seperti Daniel Defoe melalui *Robinson Crusoe*, Charles Dickens melalui *Great Expectation* dan David Copperfield, dua pengarang Australia Robert Hughes melalui *The Fatal Shore* dan Paul Carter melalui *The Road to Botany Bay*, serta beberapa lagi pengarang. Namun karya-karya Conrad mendapat perhatian yang kuat daripada Said dalam melihat 'penjajahan budaya' berlaku melalui sastera. Said juga melihat sebuah lagi karya Conrad iaitu *Nostromo*. Menurut Said, kolonialisasi Barat bergerak serentak dalam politik, ekonomi, sosial dan budaya untuk menguasai serta mempengaruhi masyarakat yang dijajah iaitu masyarakat bukan Barat. Dalam ruang budaya, karya sastera seperti novel memperlihatkan pembentukan sikap, rujukan dan pengalaman Barat (penjajah) terhadap Timur.

Dalam *Nostromo*, Conrad memunculkan watak manusia Barat yang *paternalistic* dan *arrogant*, karakter yang merujuk kepada imperialisme. Conrad dilihat mengatakan dalam novelnya bahawa hanya mereka (Barat) yang menentukan mana peribumi baik dan sebaliknya kerana mereka (Barat) yang memberikan nilai serta kewujudan kepada setiap manusia selain Barat. Kita (Barat) mencipta mereka (Timur), kita mengajar mereka bersuara dan berfikir, dan apabila mereka memberontak, mereka hanya mengesahkan pandangan kita terhadap mereka sebagai budak (juga boleh difahami sebagai hamba) yang ditipu oleh tuan Baratnya. Conrad mengecam 'kejahatan' imperialisme Barat ke atas Timur atau selain Barat yang dianggap sebagai *terra incognita* yakni tanah gelap yang tidak dimiliki dan dihuni manusia liar. Conrad memperolok-olokkan manusia penjajah dan kolonial Barat, tetapi pada masa yang sama Conrad juga memperakui pandangan

umum Barat terhadap Timur atau selain Barat yang dilihat sebagai masyarakat dari dunia gelap dan liar. Conrad dilihat Said sebagai *'both anti-imperialist and imperialist'*. Menurut Said, imperialisme adalah satu sistem, yang mana hidup satu pihak dikuasai dan dicipta dalam realiti yang dicetak di atas fiksyen dan olokan oleh pihak yang menguasai. Hal ini dipertahankan sebagai pengalaman dan realiti yang betul dalam memenuhi *la mission civilisatrice* Barat.

Hal yang sama muncul dalam novel Conrad *Heart of Darkness*, dan karya Conrad yang lain termasuklah *Almayer's Folly*. Conrad mencetak fiksyen dan olokan yang sama dalam karya-karya yang terhasil daripada pengalamannya mengembara dan bekerja di tanah-tanah jajahan kolonial. Namun filem Hanyut yang diangkat daripada novel Conrad memberikan sebuah wacana balas terhadap cetakan fiksyen Conrad itu sendiri. Skrip atau teks filem Hanyut sememangnya mengadaptasi novel yang ditulis oleh Conrad. Tetapi adaptasi teks dari sebuah novel kepada skrin layar bukan sahaja menyaksikan perubahan medium tetapi juga perubahan sudut pandang verbal kepada visual. Adaptasi ini seperti menjelmakan semula sebuah tubuh yang baru, malah turut membentuk semula ruh teks tersebut. Ia seperti sebuah reinkarnasi mewujudkan kejadian semula yang disempurnakan mengikut acuan baharu. Hal ini yang terjadi kepada teks *Almayer's Folly* Conrad dalam filem Hanyut. Hanyut menjelmakan semula, dan membentuk semula *Almayer's Folly* dalam persekitaran baharu abad ke-21 dan bukan lagi *Almayer's Folly* yang wujud dalam abad ke-19. Fiksyen dan olokan Conrad pada era kolonial, telah dibalikkan oleh Hanyut untuk melahirkan sebuah wacana balas yang lembut. Hanyut tidak mengubah sifat dalam *Almayer's Folly* tetapi Hanyut mengubah sikap untuk menghadirkan suatu bentuk 'pewacanaan semula'.

Jika dalam novel *Almayer's Folly*, Conrad meletakkan watak Almayer seorang lelaki Eropah sebagai induk cerita iaitu watak tempat berpusatnya cerita, tetapi di dalam Hanyut induk cerita sebenarnya adalah Mem seorang wanita peribumi yang dilengkapi dengan kekuatan dari segi genetik dan pengalaman untuk lahir sebagai 'pejuang sebenar' di dalam cerita. Dalam penelitian Edward Said, watak-watak peribumi terutamanya dalam novel-novel Conrad dan Kipling selalunya wujud sebagai watak yang tidak bernama atau sama sekali tidak penting selain daripada pengisi keperluan ruang untuk watak-watak kulit putih atau Barat bergerak dan beraksi. Mem adalah watak pelengkap atau pengisi ruang untuk Almayer bergerak. Almayer watak lelaki Eropah yang terdampar di perut hutan kaum peribumi yang serba mundur, demi untuk mencari emas dan kekayaan untuk dibawa pulang ke Eropah. Dari sudut cerita, Almayer diletakkan sebagai lelaki yang terpercail di dunia asing, hampa oleh harapan yang punah dan tiada sebarang sisa harapan. Almayer disumbat dalam alienasi, terlempar dalam dunia asing dan terperangkap di dalamnya. Almayer juga adalah karakter manusia Barat berpetualang untuk meneroka dunia baru, mencari kekayaan dengan keberanian dan nasib. Seorang lelaki yang tinggi ego oleh keyakinan dan cita-cita yang menggunung, tetapi akhirnya luluh oleh kasih sayang atau kemanusiaan yang dipunyainya.

Tetapi dari sudut pandang orientalisme (Said terutamanya), Almayer adalah watak yang mewakili manusia Barat yang penuh keangkuhan, sentiasa melihat diri mereka sebagai superior dan masyarakat selain Barat iaitu masyarakat peribumi di sekeliling mereka

sebagai jahil, mundur dan penuh kejahatan. Selari dengan kenyataan itu, Conrad meletakkan Almayer dalam tubuh seorang lelaki kulit putih yang walaupun terasing dan terperangkap dalam dunia peribumi tetapi masih utuh sebagai 'tuan' kepada semua masyarakat peribumi di sekelilingnya. Almayer masih adalah watak yang tinggi daripada semua yang ada, punya pengetahuan yang jauh meninggalkan 'otak-otak' peribumi, dan mempunyai kekuasaan dan pengaruh yang didambakan oleh kaum peribumi. Almayer mewakili watak kolonial yang meneroka di tanah-tanah gelap untuk mencari kekayaan dan mengenalkan masyarakat yang gelap dengan kehidupan beradab. Serendah-rendah mereka (Barat) jatuh tetapi mereka masih lebih tinggi dan mulia daripada masyarakat peribumi. Almayer mewakili watak kolonial Barat yang *paternalistic* dan *arrogant* seperti yang dilihat oleh Edward Said. Lebih daripada itu, Almayer adalah wajah dan sikap kolonial Barat yang melayan manusia selain Barat atau masyarakat peribumi bukan sebagai manusia yang sebenarnya.

Namun keberadaan Almayer sebagai Barat-kolonial yang *paternalistic* dan berkuasa diruntuhkan di dalam Hanyut. Almayer diwujudkan sebagai antagonis yang menanggung dan menderita kekalahan oleh kebijaksanaan dan kelicikan peribumi yang tidak diketahuinya. Almayer sebagai protagonis di tangan Conrad bertukar menjadi antagonis di dalam Hanyut. Sebaliknya Mem muncul sebagai protagonis dan watak utama yang paling penting dalam keseluruhan cerita. Konsep *paternalistic* dan patriaki yang mewakili kolonial Barat diruntuhkan oleh kekalahan Almayer oleh *intrigue* isterinya sendiri iaitu Mem yang dianggapnya gila dan bodoh. Sebaliknya Mem yang merancang segala kejatuhan Almayer. Mem mula membentuk perlawanan halusnyanya sejak awal lagi. Mem menentang sekeras-kerasnya tindakan Almayer menghantar anak mereka Nina ke Singapura untuk dididik dengan pendidikan Barat. Peristiwa Mem terjun ke sungai untuk menghalang Nina dibawa pergi dengan bot adalah titik mula munculnya protagonis Mem dan perlawanan peribumi terhadap superioriti kolonial. Mem memendam dendamnya dengan begitu lama, dan menyusun perancangan yang cukup teratur untuk menyingkirkan Almayer sekaligus kolonial Barat.

Mem menunggu Nina pulang, kerana bagi Mem, Nina adalah titik kelemahan Almayer lelaki Barat yang perkasa dan berkuasa (wanita selalunya menjadi titik kelemahan lelaki). Mem mendidik kembali Nina untuk mencintai tanah air dan kaum peribuminya, agar jauh dan hilang daripada 'kekuasaan' Almayer (Barat). Mem berjaya, dengan Nina jatuh cinta dengan Dain Maroola lelaki yang diharapkan Almayer untuk mencapai cita-citanya menggapai kekayaan. Malah Dain Maroola sendiri adalah pejuang yang menentang kolonial, dalam cerita Dain Maroola digelar lanun kerana menyerang kapal-kapal dagang yang berdagang dengan Inggeris. Almayer memikirkan untuk mempergunakan Dain Maroola untuk mendapatkan kekayaan baginya. Tetapi Dain Maroola tidaklah sebodoh itu, malah dengan bijak memenangi 'harta' paling bernilai Almayer iaitu Nina. Dalam hal ini, peribumi seperti Dain Maroola bukan sahaja tidak memberikan harta kekayaan tanah airnya tetapi merampas harta kekayaan penjarahnya. Peristiwa ini meletakkan Almayer (kolonial) dalam kedudukan kalah sekalah-kalahnya.

Almayer memikirkan bahawa dia mengatur semua permainan politik di Sambir dengan mengatur hubungan dengan Dain Maroola di satu pihak, Raja Ibrahim dan Orang Kaya

Tinggi di satu pihak, Abdullah pedagang Arab dan anaknya di satu pihak, serta Inggeris di satu pihak. Tetapi tanpa diketahui oleh Almayer, terdapat satu tangan halus yang ghaib mencelah masuk tanpa diketahuinya mengatur permainan politik yang lain. Tangan itu tidak lain ialah Mem yang menyusun permainan yang menutup segala permainan Almayer. Mem sebenarnya bersubhat dengan Orang Kaya Tinggi (kepercayaan Raja Ibrahim) dan juga Dain Maroola dalam diam untuk mencipta satu permainan politik yang menggagalkan semua cita-cita Almayer. Malah akibat permainan Mem, Almayer kehilangan semua sekutunya termasuk pihak Inggeris yang tidak lagi mempercayainya. Malah Almayer kehilangan satu-satunya anak yang paling dikasihinya – hartanya yang tidak ternilai – kepada manusia peribumi iaitu Dain Maroola, yang telah memusnahkan segala impiannya untuk mendapatkan kekayaan. Di dalam Hanyut, yang mengatur dan mencorakkan permainan ini semuanya adalah tangan Mem. Mem mengatur ‘kematian’ Dain Maroola dengan Orang Kaya Tinggi, dan kemudian Mem mengatur pelarian Nina dengan Dain Maroola. Apa yang diatur oleh Mem – permainan dan *intrigue* ini – pertamanya memusnahkan segala impian Almayer, dan keduanya memusnahkan jiwa Almayer seranap-ranapnya.

Ternyata Mem muncul sebagai pemenang menewaskan Almayer watak lelaki kolonial yang gagah dan berkuasa runtuh menjadi lelaki tidak berdaya menghabiskan sisa hidup menjadi pematik candu. Mem tidak menentang kekuatan dan kekuasaan Almayer (kolonial) dengan peperangan fizikal dan senjata tetapi dengan kebijaksanaan menyusun permainan ‘politik’ yang begitu tajam. Apabila sampai ke tahap ini, adakala terkesan persamaan satira yang pernah ditulis oleh Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako dalam novelnya *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila*. Ia sama-sama memperlihatkan cita-cita untuk mengalahkan kolonial dengan kebijaksanaan dan helah siasah yang halus tetapi tajam membunuh. Di dalam Hanyut, Mem muncul sebagai ‘pejuang peribumi’ atau super-protagonis yang tidak kelihatan tetapi mengatur serta mewarnai semua ‘permainan’ di dalam cerita. Permainan yang akhirnya menumpaskan kolonial dengan pukulan maut. Hanyut telah menghadirkan satu wacana balas dengan pergerakan dan aksi watak protagonistik Mem, menukarkan Almayer menjadi antagonis yang berkuasa tetapi akhirnya ditewaskan.

Mem adalah wanita peribumi anak angkat orang Eropah iaitu Lingard yang mendukung cita-cita yang sama dengan Almayer. Maka Mem secara munasabahnya bijak dan mengetahui dengan langsung segala gerak fikir manusia Barat berjiwa kolonial itu. Dari sudut simbolismenya pula, Mem adalah wanita peribumi sekaligus melambangkan tanah air/ibu pertiwi yang walaupun dijarah dan dikuasai kolonial Barat (dikahwini Almayer), tetapi terus membebaskan dirinya (tanah air) daripada belenggu kuasa kolonial. Malah Mem adalah lambang penentangan terhadap kuasa patriaki dan *paternalistic* lelaki yang *arrogant*. Mem adalah lambang ibu kandung yang berjuang mempertahankan tanah air dan bangsanya (melindungi Nina, Dain Maroola, dan kaum peribumi) daripada kekuasaan kolonial yang dilambangkan dengan patriakisme Almayer. Mem adalah wanita yang tidak kalah di tangan Almayer walaupun telah jatuh dalam cengkaman Almayer. Hal ini dapat dilihat begini; Mem adalah tanah air yang tidak kalah di tangan kolonial walaupun telah jatuh dalam cengkaman kolonial. Sebaliknya ‘Mem’ terus berjuang secara halus dan penuh helah untuk membebaskan diri daripada belenggu kekuasaan

(penjajah), malah menewaskan penjajah untuk selama-lamanya. Mem adalah wanita, Mem adalah lambang penentangan patriarkisme, Mem adalah tanah air, dan Mem adalah lambang penentangan kolonialisme.

Menggabungkan secara keseluruhannya, Hanyut adalah sebuah pewartanaan semula yang mewujudkan wacana balas terhadap sudut pandang Conrad dalam *Almayer's Folly*, sekaligus wacana balas terhadap orientalisme dan imperialisme budaya. Namun Hanyut bukan sebuah wacana keras yang memusuhi Barat secara per se dan semborono, dan tidak mengambil sikap 'menjarah dan memusuhi' sepertimana berlaku dalam orientalisme tetapi lebih mengambil sikap mempertahankan hak dan maruah daripada dijarah serta dikuasai oleh pihak berkepentingan, dengan pendekatan halus tanpa perlunya konfrontasi dan memusuhi. Hal ini sama sepertimana yang dikatakan Said iaitu 'voyage in', yakni meneroka untuk memahami budaya superior dan mengatasi *egocentricnya* dengan kefahaman (juga ilmu dan kebijaksanaan). Hanyut tidak menggambarkan permusuhan jauh sekali kecaman terhadap Barat, tetapi penerokaan dan akhirnya mencari kesetaraan antara Barat dan Timur. Wacana balas yang dikemukakan oleh Hanyut akhirnya menemukan kesetaraan Barat dan Timur, dalam hubungan yang bertimbal balas. Lebih daripada itu, Hanyut menulis semula *Almayer's Folly* dalam penjelmaan semulanya pada era abad ke-21, dengan wacana baru yang halus dan penuh rasa kemanusiaan.